



Galeri
brön

The Reminiscence of
Terra Firma

THE REMINISCENCE OF TERRA FIRMA
"PENULISAN IL MIAH & KARYA SENI PAMERAN"

AUGUST 11 -
SEPTEMBER 3
2021



<https://gab.adperak.com/my/>

The Reminiscence of
Terra Firma

"PENULISAN ILMIAH & KARYA SENI PAMERAN"

Published by UiTM Perak Press

List of Content

FOREWORD

DR MOHD KHAIRI BAHAROM.....06

Scientific Writing

TEKNIK LEMPARAN ALIN(THROWING) DALAM PENGHASILAN KARYA

SITI NORHASHIMAH SUMAN.....07

TEMBIKAR PERDAGANGAN AWAL SEMENANJUNG TANAH MELAYU

SALWA AYOB.....17

“THINK LIKE A PROFESSIONAL DESIGNER”: 5 STRATEGI “DESIGN”

ZULKARNIAN HASSAN, SITI MARYAM ALI YASIN.....23

THE BEAUTY OF CRYSTALLINE GLAZE BY ORYZA SATIVA STRAW ASH

AMIRUL AZANI IBRAHIM, NOR NAZIDA AWANG, SALWA AYOB, VERLY VETO VERMOL...30

PENGENALAN TUANGAN SLIP, PROSES PENGHASILAN PRODUK SERAMIK BERASASKAN ACUAN

MOHD SHAHROL HANAFI MOHD RAFFIE.....35

KONSEP KEINDAHAN SENI

ZAHIRAH HARUN.....41

EXPLORASI BENTUK KONTEMPORARI SERAMIK MELALUI VARIASI TEKNIK PEMBENTUKAN TANGAN

SITI MARYAM ALI YASIN, ZULKARNIAN HASSAN.....45

Art Exhibition

THE 12 TERRA ARTISTS

CERAMIC DEPARTMENT LECTURERS.....53

LIST OF EXHIBITION COMMITTEE MEMBERS 2021

SEMESTER 4 DIPLOMA IN CERAMIC STUDENTS.....110

THE REMINISCENCE OF *Terra Firma*

AUG 11 – SEPT 3, 2021

@UiTM Perak Press, UiTM 2021

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of UiTM Perak Press, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

Published by UiTM Perak Press

No e ISBN : 978-967-25697-9-4

Cover Design : Seri Darayani Kamarullah
Typesetting : Ts. Zulkarnian Hassan

THE REMINISCENCE OF TERRA FIRMA EDITORIAL MEMBERS 2021

ADVISOR

Dr. Zainudin Md Nor

EDITORS

Ts. Zulkarnian Hassan

Dr. Mohd Khairi Baharom

AUTHOR'S

Siti Norhashimah Suman

Salwa Ayob

Zulkarnian Hassan

Amirul Azani Ibrahim

Nor Nazida Awang

Verly Veto Vermol

Mohd Shahrol Hanafi Mohd Raffie

Zahirah Harun

Siti Maryam Ali Yasin

ARTISTS

Verly Veto Vermol

Mohd Khairi Baharom

Zahirah Harun

Siti Maryam Ali Yasin

Zulkarnian Hassan

Mohd Shahrol Hanafi Mohd Raffie

Siti Norhashimah Suman

Shamshuri Jamaludin

Mohd Saleh Abdul Wahab

Khairul Nizan Mohd Aris

Noor Ashraf Noor Othman

Nor Haliza Johari

E-BOOK MANAGEMENT TEAM

Seri Darayani Kamarullah

Hafizatun Najihah Shahrurnizam

Yusmariansi Arif

Nabila Batrisyia Roslan

Nor Azlin Mohd Yazid

Noor Adieqa Mohd Zain

Muhammad Akram Munauwar

Foreword

By
Dr Mohd Khairi Baharom
Coordinator of Programme
Ceramic Department
Faculty of Art & Design
UiTM Perak Branch
Seri Iskandar Campus

The Covid-19 Pandemic nowadays has put the ceramic art scene in a diversity of perspectives. It challenges ceramic artists to channel their physical artwork exhibitions into digital platforms. This pandemic also has changed the way of teaching and learning in the ceramic programme in Universiti Teknologi MARA (UiTM). Conventional methods of teaching and learning usually involve the face to face learning style, which nowadays requires some changes. This ceramic virtual art exhibition titled The Reminiscence of Terra Firma shows one of the examples of a new style of exhibition management in the ceramic course in UiTM. This virtual exhibition is one of the course's components that students need to complete their project. The course in ceramic programme titled; Ceramic Exhibition Management, aims to educate students to manage an exhibition and to work in groups. It helps students to understand the exhibition event's standard which is the knowledge that can be used for their employability in the future.

This virtual exhibition is organized for the first time. Before the pandemic, the students managed the exhibition in the gallery, which was more exciting. Although this is the first time for the students to arrange the virtual exhibition, they managed to overcome their struggle to learn new things and performed well to realize this exhibition. All the lecturers who participated in this exhibition will always support the event. This virtual exhibition displays the selected best lecturers' artworks and also features the lecturers' expertise in their disciplines. Many artworks in this exhibition explore issues that are related to the artists' interests and concerns which are developed in the artworks with aesthetic and artistic manners.

The participation of the ceramic programme's lecturers in The Reminiscence of Terra Firma virtual ceramic art exhibition proved that they are not just teaching the students with the theories and demonstration of ceramic forming, but they also have produced quality artworks. This exhibition is one of many ways to celebrate this academic expertise.

Thus, congratulations to all exhibition committee members that have organised this event. Thank you to all lecturers who participated in this exhibition.

"If you trust your materials and you trust your instincts, you will see things of beauty growing up in front of you, without you having anything to do with it."
(Micheal Cardew, English Studio Potter)

Teknik Lemparan Alin (Throwing) Dalam Penghasilan Karya

SITI NORHASHIMAH SUMAN

Pengenalan

Menurut Steve Mattison (2003), lempar-alin di atas mesin lempar-alin memerlukan latihan, kesabaran dan penumpuan. 'Throwing on the potter's wheel requires practice, patience and concentration.' Teknik ini memerlukan kemahiran dalam mengendalikan mesin lemparan alin ini. Walaupun menggunakan mesin untuk menghasilkan karya, tetapi karya yang dibentuk akan menampakkan gaya individu berkenaan yang tersendiri. Ia juga menghasilkan kualiti karya yang spontan. Ini kerana penggunaan mesin ini tetap memerlukan kemahiran tangan dalam membentuk dan membina karya yang ingin dihasilkan. Penggunaan mesin ini mampu menghasilkan produk atau karya dengan lebih pantas.



Ilustrasi di atas menunjukkan teknik penggunaan mesin lempar alin.

Sebelum memulakan teknik ini, penyediaan tanah liat yang baik (iaitu bebas daripada kandungan udara serta dan mempunyai tahap keplastikan yang tinggi) amatlah diperlukan. Roy (1990) menyatakan di dalam penulisannya bahawa Seperti Penyataan ini "Tanah liat harus mempunyai tahap keplastikan supaya ia dapat memudahkan proses pembentukan penghasilan. Tambahnya, Tanah liat juga harus bersifat porous kerana ia akan kehilangan air dalam setiap minit" (Roy, 1990), Vincent A.Roy dalam Ceramics An Illustrated Guide to Creating and Enjoying Pottery, halaman 24, 1990. Keplastikan yang tinggi dan tahap keporosan yang baik diperlukan dalam teknik ini kerana jika tanah liat digunakan berulang kali, tahap keplastikan dan keporosannya akan berkurangan. Ini akan menyulitkan proses pembentukan. Jika terdapat kandungan udara dalam tanah liat, ia akan menyebabkan benjolan pada dinding karya. Berikut adalah proses penyediaan tanah liat.

Proses penyediaan tanah liat untuk teknik lemparan alin

Penyediaan bahan dan peralatan seramik.

1. Bahan - tanah liat/ tanah liat siap diproses, air
2. Peralatan - mesin lemparan alin (potter's wheel)
- meja menguli
- pelantar plaster (plaster bat)

- tali pemotong(cutting wire)
- alat penimbang
- jarum pemotong(potter's needle)
- span
- metal loops/trimming tools
- baldi kecil
- metal kidney
- tetulang kayu (wooden ribs)
- papan bulat.

Proses 1

1. Sebongkah tanah liat disediakan mengikut berat dan saiz produk yang ingin dihasilkan.
2. Bongkah tanah liat dipotong kepada dua bahagian dengan menggunakan tali pemotong (cutting wire).
3. Proses menguli tanah liat (kneading process). Proses menguli terbahagi kepada dua iaitu kaedah ox-head dan spiral. Dilakukan di atas pelantar plaster (plaster bat).
5. Kemasan akhir dengan membentuk tanah liat yang siap diuli kepada bentuk bebola atau bentuk kon. [Steps perlu dilaporkan dalam struktur ayat pasif.]

Dalam proses penyediaan tanah liat ini, menguli merupakan satu proses memastikan tanah sehati dari sudut kelembapan dan kandungan bahan. Dari sudut lain pula, kandungan tanah liat yang baik sepatutnya bebas daripada kandungan udara di dalamnya. Tanah liat perlu dipotong kepada dua bahagian. Melalui keratan rentasnya, kita boleh pastikan tanah liat tersebut bebas daripada sebarang lubang atau gelembung udara. Jika bebas daripada lubang udara ini, tanah liat ini benar-benar bersedia untuk digunakan. Jika dibiarkan, kandungan lubang udara ini akan mengakibatkan masalah semasa pembentukan karya atau produk. Bentuk yang diingini akan sedikit terjejas akibat terdapat benjolan yang mengandungi udara di dalamnya. Begitu juga semasa proses pembakaran. Jika masih terdapat udara di dalam jasad karya atau produk, ini akan mengakibatkan berlakunya keretakan atau menyebabkan jasad atau produk akan meletup di dalam tanur semasa pembakaran.

Proses menguli memerlukan satu irama pergerakan yang berterusan secara pusingan untuk memastikan tanah liat ini berkualiti dan bersedia untuk digunapakai. Jika tanah ini agak keras, campuran air diperlukan untuk mengekalkan kelembutan yang dikehendaki. Terdapat dua jenis teknik menguli iaitu teknik kepala kambing dan teknik putaran.



TEKNIK KEPALA KAMBING (RAM HEAD)

Teknik ini dikenali kerana bentuk pengulian ini seperti tanduk kepala kambing dan teknik ini mempunyai dua pusaran di kedua-dua bahagian kanan dan kiri untuk membebaskan udara.



TEKNIK PUTARAN (SPIRAL)

Teknik putaran atau spiral pula menumpukan kepada teknik satu putaran dan hanya mempunyai satu pusing sahaja. Proses pengulian ini juga memerlukan lebih kepakaran.

Selepas penyediaan tanah ini selesai, proses 'centering' akan dilakukan untuk memastikan tanah liat ini benar-benar seimbang dan berada ditengah-tengah. Kemudiannya proses menguli pula dilakukan sekali lagi semasa tanah liat di atas mesin lemparan alin. Proses menguli ini dilakukan dengan cara menaik dan menurunkan tanah liat semasa roda mesin lemparan alin sedang berpusing. Menghasilkan karya menggunakan teknik ini memerlukan air untuk memastikan tangan sentiasa lembab dan licin untuk memudahkan proses membentuk. Proses menguli tidak boleh terlalu lama supaya tanah liat masih mempunyai sifat keplastikan. Air yang digunakan juga tidak boleh terlalu banyak.

Seterusnya proses bukaan dan menaikkan tanah untuk membentuk karya seperti yang diinginkan dilakukan. Kaedah cantuman juga boleh digunakan jika ingin menghasilkan bentuk yang tinggi dan ianya dilakukan secara separuh-separuh, yang kemudiannya dicantumkan apabila keadaan karya itu sudah cukup kukuh. Selepas itu kaedah kemas permukaan dilakukan iaitu menghasilkan 'footing' atau 'foot ring' serta meratakan permukaan karya tersebut.

Penggunaan mesin lemparan alin ini akan menghasilkan karya yang berbentuk simetrikal dan bulat. Pelbagai bentuk boleh dihasilkan seperti botol, pinggan mangkuk, silinder dan teko. Menghasilkan karya yang bersaiz besar memerlukan tenaga dan kuantiti tanah yang banyak. Konsentrasi serta kesabaran yang tinggi diperlukan dalam menghasilkan karya yang menggunakan teknik ini.

Pemusatan tanah liat (centering)

Pemusatan tanah liat diatas mesin lempar alin menjadikan permukaan tanah liat rata dan bersedia untuk proses seterusnya. Kemahiran teknikal dalam pemusatan tanah liat memerlukan banyak latihan yang pratikal.

1. Tanah liat yang telah siap diuli diletakkan ke atas permukaan mesin lemparan alin. Tanah liat perlu dilempar pada permukaan tengah mesin dengan kuat supaya mengekalkan tanah liat pada permukaan mesin lempar alin.
2. Mesin lempar alin diputar dan kelajuan putaran mesin boleh dikawal melalui padel kaki.
3. Tapak tangan perlu dilembapkan dan seterusnya badan dirapatkan ke hadapan. Kedua-dua tapak tangan digunakan bagi mengawal ketepatan tanah liat.
4. Tapak tangan dan tanah liat perlu sentiasa dalam keadaan lembap kerana ia mempengaruhi proses kawalan tanah.
5. Proses kawalan putaran tanah liat dilakukan dengan cara menggunakan tapak tangan kiri menahan tanah pada bahagian belakang tanah liat sambil tangan kanan menekan tanah pada bahagian hadapan.
6. Putaran tanah liat dikawal sehingga menjadi bentuk kubah.

Proses menggunakan mesin lempar alin (throwing).

Untuk teknik seramik, penggunaan mesin dan kemahiran amat diperlukan. Kaedah ini memerlukan tumpuan yang lebih teliti dari proses pembuatan hingga ke proses akhir di mana hampir keseluruhan karya menggunakan mesin. Proses penghasilan karya dibuat dengan menggunakan mesin lempar alin dan boleh dilihat menerusi ilustrasi dibawah.

		
1- Proses <i>centering</i> di atas mesin lempar alin dilakukan.	2- Proses <i>opening</i> tanah	3- Tanah dikawal sebaik-baiknya untuk dibina ke atas.
		
7- bahagian bibir jasad diratakan dengan menggunakan jari.	8- Bahagian tepi karya dipotong menggunakan jarum.	9- Pematongan dilakukan dengan cara mencondongkan jarum pada sudut 45 darjah.

 <p>10- lebih tanah dibuang.</p>	 <p>11-Diperkemas bagian yang telah dipotong.</p>	 <p>12- dipotong dengan menggunakan wayar pemotong.</p>
 <p>13-Karya ditarik ketepi.</p>	 <p>14-Karya yang telah siap diangkat dengan menggunakan tangan.</p>	 <p>15-Karya yang telah siap diletakkan atas papan untuk dibiarkan <i>leather hard</i>.</p>

Proses menggunakan mesin lemparan alin untuk membuat lids pada karya.

 <p>1-Bagian atas ditebalkan</p>	 <p>2-Permukaan dilicinkan.</p>	 <p>3-Permukaan atas dibagi kepada dua bahagian.</p>
 <p>4-Kemudian diratakan.</p>	 <p>5-Pembentukan bagian dalam juga memerlukan kemahiran tangan.</p>	 <p>6-Kemasan akhir untuk mendapatkan kualiti yang baik.</p>

Proses menunjukkan teknik penghasilan lids untuk tea-pot.



Proses pembuatan knob

Ilustrasi dibawah menunjukkan proses pembuatan knob. Keseluruhan proses menggunakan mesin lempar alin.

 <p>1-Bahagian atas diperkemas.</p>	 <p>2-Penutup <i>tea-pot</i> diletakkan pada bahagian tengah.</p>	 <p>3-Proses kemas atau <i>trim</i> dilakukan.</p>
 <p>4- bahagian tengah diletakkan <i>slip</i>.</p>	 <p>5- sedikit tanah diletakkan di atas <i>slip</i>.</p>	 <p>6-Tanah dilekatkan.</p>
 <p>7-Proses pembentukkn <i>knob</i> dilakukan.</p>	 <p>8-Kemahiran tangan amat diperlukan.</p>	 <p>9-Proses akhir, kemas dilakukan.</p>

Proses kemas permukaan tapak (footing) karya menggunakan mesin lempar alin



1- Karya yang separuh kering diletakkan di bahagian tengah mesin.



2- Bahagian tapak di perkemaskan menggunakan alatan *trim*.



3- Keseimbangan pembentukan amat penting dalam proses ini.



4- Bahagian tengah tapak dibentuk.



5- Pada bahagian tengah tapak didalamkan sedikit.



6- Permukaan tapak diperkemaskan.

Teknik penghasilan muncung atau spout



Ilustrasi diatas menunjukkan penghasilan spout menggunakan mesin lempar alin.

Teknik penghasilan pulled handle.

Bagi penghasilan tangkai tea-pot, teknik pulling dilakukan, teknik ini memerlukan kemahiran yang tinggi untuk mendapatkan hasil yang baik.

		
<p>tanah liat yang telah diuli, kemudian ditarik dengan menggunakan sedikit air.</p>	<p>Tanah liat ditarik sekata dari pangkal ke hujung.</p>	<p>pangkal tanah liat diputuskan</p>
		
<p>Tanah ditarik dalam bentuk bulat</p>	<p>Jalur dibuat pada tarikan tanah liat.</p>	<p>bahagian hujung tanah liat dipusingkan untuk membentuk pintalan tarikan</p>
		

Illustrasi menunjukkan kepelbagaian bentuk tangkai 'handle' dapat dihasilkan menggunakan teknik handle pulling.

Ilustrasi proses penghasilan dan penyambungan spout tea-pot.



KEMASAN AKHIR

Kemasan akhir pada permukaan diperlukan untuk menghasilkan karya yang berkualiti. Kebiasaannya dilakukan apabila kerja-kerja pembuatan karya hampir siap. Kemasan karya ini adalah melibatkan proses kerja-kerja memeriksa dan merawat permukaan karya seperti melicinkan permukaan, menghasilkan dekorasi tambahan, menanggalkan benda asing yang terdapat di permukaan atau memperelokkan bahagian-bahagian yang tertentu. Kerja Proses kemasan permukaan ini mengambil memerlukan sedikit masa untuk memastikan karya ini dalam keadaan yang baik sebelum dibakar.

Selepas rawatan ini, karya dibiarkan kering dalam suhu bilik. Jika bentuk karya yang dihasilkan bentukkannya agak kritikal dan memerlukan tahap pengeringan yang sekata, maka karya itu tersebut perlulah ditutupi dengan beg plastik serta dibiarkan sedikit bukaan agar terdapat sedikit udara yang keluar masuk. Proses ini akan menghasilkan tahap pengeringan yang agak lama. Apabila keseluruhan karya ini kering sepenuhnya barulah boleh dimasukkan ke dalam tanur pembakaran. Tahap pengeringan ke atas karya ini dikenali sebagai 'greenware' atau jasad anum.



Contoh karya yang telah siap untuk proses pengeringan.

Kesimpulan

Teknik lemparan alin kemahiran dalam penggunaan mesin serta kawalan tanah liat semasa proses pembentukan. Walaubagaimanapun, tahap kemahiran, kelajuan minima dan maksimum memerlukan banyak latihan. Kemampuan dalam proses pembentukan menggunakan mesin lemparan alin mesti dilengkapi dengan proses penyediaan tanah liat, kemahiran tekanan tangan dan jari serta konduksi yang stabil supaya gabungan bahan mentah, peralatan, dan kemahiran ini dapat menghasilkan produk atau karya yang baik.

Penulisan : Siti Norhashimah Bt Suman

GLOSARI

Bebola	Tanah liat yang dibentuk bulat seperti bola
Bentuk Kubah	Bentuk separa bulat
Jasad anum	jasad tanah liat yang telah dikeringkan tetapi belum dibakar
Metal kidney	Perkakas zink yang menyerupai bentuk buah pinggang
Ox-head	Kepala kambing (
Pemusatan	Penengahan
Potter,s wheel	Mesin lemparan alin
Slip	Tanah liat cair campuran dari tanah liat dan air dalam keadaan likat
Spiral	Ulian putaran
Tali pemotong	Perkakas yang digunakan untuk memotong tanah liat atau memisahkan produk dari melekat di atas mesin lemparan alin

BIBLIOGRAFI

- HARDY, Micheal. (2000). Handbuilding. London: A & C Black
- JACQUI ATKIN,(2009).250 Tips,Technique and Trade Secrets for POTTER. Page One Pte Ltd,Singapore.
- MATTISON, Steve. (2003). The Complete Potter. London: Apple Press
- CONNELL, Jo. (2002). The Potter's Guide to Ceramic Surfaces. London: Apple Press
- DR.TEUKU ISKANDAR.(1984)Kamus Dewan.Dewan Bahasa dan Pustaka,Kuala Lumpur.
- EILEEN LEWEEN STEIN & EMMANUEL COOPER.(1993).New Ceramics.Studio Vista,London.
- F.H.NORTAN.(1974).Elements of Ceramics.Second Edition: Adisson Wesley Publishing Inc,Phillipines.
- JONATHN CROWTHER.(1995). Oxford Advanced Learners Dictionary.Oxford University Press.
- PETER LANE.(1993)Studio Ceramics.William Colling and Sons & Company Ltd,London.
- ROBIN HOPPER(2004).MAKING MARKS,DISCOVERING THE CERAMIC SURFACE.kp books,An imprint of F+W Publications,Inc,United States of America.
- SUSAN PETERSON,JAN PETERSON(2003)The Craft and Art of Clay.Laurence King Publishing Ltd.
- MARY CHAPPELHOW,(2002)Thrown Pottery Techniques revealed, Page One Publishing Ltd.Singapore.
- VINCENT a. Ray, Ceramics An Illustratedllustrated Guide to Creating and Enjoying, Pottery.Mc.Graw-Hill Book Company,1990.
- SIMON LEACH,S, Pottery Handbook,ABRAMS,www.abrams.com,New York.2013.
- BEN CARTER,LINDA ARBUCKLE,Mastering the potter's wheel:techniques,tips and tricks for potter,n/a,2016,ISBN 9780703407333.